

Imam Ibnu Hajar al-Haitami berkata (secara ringkasnya):

لَوْ تَسَحَّرَ لِيَصُومَ

“ Sekiranya (seseorang) bersahur untuk tujuan berpuasa ”

مَعَ خُطُورِ الصَّوْمِ بِإِلَهِ كَذَلِكَ  
كَفَاهُ ذَلِكَ؛

“ ditambah pula muncul dalam fikirannya untuk berpuasa, maka sudah cukup (dikira sebagai niat puasa), ”

**AL-INARAH** menyatakan bahawa sekiranya seseorang itu bangun untuk bersahur dan terlupa melintaskan niat dalam hati untuk berpuasa, maka puasanya sah kerana perbuatan sahur tersebut tidak lain dan tidak bukan adalah dengan tujuan untuk berpuasa.



## NIAT SEBULAN

Antara solusi untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku, digalakkan juga untuk berniat puasa sebulan penuh berdasarkan pendapat Imam Malik sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya seseorang itu terlupa untuk berniat pada malam harinya.

[ Rujuk al-Inarah #834: Terlupa Untuk Berniat Puasa ]

Solusi lupa niat puasa.

**PERTAMA** jika bangun sahur walaupun lupa niat, maka sahur sudah memadai sebagai niat. Ini pendapat Ibnu Hajar al-Haitami.

**KEDUA** Niat puasa sebulan penuh bagi elak lupa. Ini pendapat Imam Malik.

## KESIMPULAN

Jika seseorang terlupa niat puasa Ramadhan tetapi **bangun bersahur dengan tujuan berpuasa, maka puasanya tetap sah**. Sebagai langkah berjaga-jaga agar tidak lupa niat, **dibolehkan juga berniat puasa untuk sebulan penuh** berdasarkan pendapat Imam Malik.

### SUMBER

Al-Inarah #834: Terlupa Untuk Berniat Puasa